

Banjir kilat kian kritis

■ Ahli Parlimen gesa Rumah Pam Kampung Baru berusia 15 tahun dibaik pulih segera

Kuala Lumpur

Ahli Parlimen Tiwangsa Datuk Johari Abdul Ghani mengesa pembaikpulihan dilakukan ke atas Rumah Pam Kampung Baru yang berusia 15 tahun bagi mengatasi masalah kekerapan banjir di kampung tradisi itu.

Beliau yang ditemui ketika melawat 65 keluarga mangsa banjir di Kampung Baru, kelmarin berkata, pihaknya akan menulis surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak untuk mengutamakan kerja baik pulih itu bagi menjaga kebajikan masyarakat.

“Januari lalu, saya mengusulkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk melakukan kerja terbabit yang memerlukan perbelanjaan RM3.5 juta.

“Ini kerana usia rumah pam melebihi 15 tahun selain beberapa pam yang rosak menyebabkan ia tidak mampu menampung kapasiti air setiap kali hujan.

“Tambahan pula dengan sampah sarap yang banyak dibuang ke dalam saluran,



|||||

**“ Saya bukan
minta hingga
beratus-ratus juta
sampai JPS tidak
boleh
melakukannya”**

Johari Abdul Ghani

air melimpah menyebabkan beberapa kampung di sini kerap dilanda banjir kilat.

“Paling membimbangkan sudah tiga kali banjir kilat berlaku dan kali ini, paras air semakin meningkat menunjukkan betapa kritikalnya masalah ini,” katanya kepada media, di sini semalam.

Bagaimanapun, menurut

Johari, pada 19 Jun lalu, pihaknya dimaklumkan JPS tidak mempunyai peruntukan menyebabkan kerja baik pulih rumah pam terbabit tidak boleh dilakukan.

“Saya bukan minta hinga beratus-ratus juta sampai JPS tidak boleh melakukannya. Lagipun ia membabitkan kepentingan penduduk di sini termasuk kanak-kanak dan golongan susah. Justeru saya akan membawa usul ini kepada pihak atasan termasuk Perdana Menteri.

“Selain itu, saya juga akan memohon kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menempatkan penduduk terutama penyewa di projek perumahan rakyat (PPR) yang masih kosong,” katanya.

Sementara itu, difahamkan bantuan kewangan RM300 turut diberikan Perbadanan Kampung Baru kepada 65 keluarga penduduk Kampung Baru yang terjejas akibat banjir kelmarin.

Malah bantuan pemberian buku teks juga akan disalurkan kepada pelajar-pelajar yang kehilangan atau kerosakan buku akibat banjir.